

AEROCORT HFA METERED DOSE INHALER

Salbutamol sulphate/Beclometasone dipropionate (100mcg/50mcg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan AEROCORT HFA INHALER
2. Bagaimana AEROCORT HFA INHALER berfungsi
3. Sebelum menggunakan AEROCORT HFA INHALER
4. Cara menggunakan AEROCORT HFA INHALER
5. Semasa menggunakan AEROCORT HFA INHALER
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan AEROCORT HFA INHALER
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan AEROCORT HFA INHALER

AEROCORT HFA INHALER digunakan untuk merawat halangan saluran pernafasan berbalik. Ia tidak digunakan sebagai rawatan pertama tetapi digunakan apabila terapi kortikosteroid dan bronkodilator yang disedut diperlukan.

Bagaimana AEROCORT HFA INHALER berfungsi

AEROCORT HFA INHALER mengandungi dua ubat yang berbeza: salbutamol dan beclometasone. Beclometasone tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil 'kortikosteroid'. Ia berfungsi dengan mengurangkan dan mencegah bengkak dan keradangan di dalam paru-paru anda.

Salbutamol tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai beta₂ adrenoceptor agonists atau 'bronkodilator'. Ia berfungsi dengan melegakan otot di saluran pernafasan anda. Ini membantu anda bernafas lebih mudah.

Sebelum menggunakan AEROCORT HFA INHALER

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengguna AEROCORT HFA INHALER jika alergi (hipersensitif) kepada beclometasone, salbutamol atau mana-mana bahan kandungan yang disenaraikan pada akhir risalah ini.

Mengandung dan menyusukan anak

Maklumkan doktor atau ahli farmasi jika anda megandung, bercadang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak. Ubat ini hanya boleh dipertimbangkan jika manfaat kepada ibu mengandung melebihi sebarang risiko kepada janin. Jangan gunakan AEROCORT HFA INHALER semasa kelahiran pramatang.

Minta nasihat dari doktor sebelum mula menggunakan sebarang ubat.

-Sebelum mula menggunakan

Beritahu doktor jika anda mengalami mana-mana keadaan yang berikut:

- anda sedang atau pernah dirawat untuk batuk kering
- anda mempunyai kelenjar tiroid yang terlalu aktif
- Jangan berhenti rawatan tiba-tiba dengan ubat sedut anda kecuali doktor anda memberitahu anda.

AEROCORT HFA INHALER tidak boleh digunakan dalam serangan akut. Untuk serangan akut, anda memerlukan ubat sedut yang bertindak cepat dalam jangkamasa pendek.

Jika anda telah dirawat untuk masa yang lama dengan steroid sedutan pada dos yang tinggi, anda mungkin memerlukan pil steroid atau suntikan steroid apabila mengalami tekanan. Sebagai contoh, semasa kemasukan ke hospital selepas kemalangan yang serius, sebelum pembedahan, semasa serangan asma akut atau jika anda mempunyai jangkitan dada atau penyakit serius yang lain. Doktor anda akan menentukan jika anda memerlukan apa-apa rawatan steroid tambahan dan juga akan menasihati anda untuk berapa lama anda perlu mengambil pil steroid dan bagaimana anda perlu mengurangkan dos apabila keadaan anda bertambah baik.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Bincang dengan doktor atau ahli farmasi jika anda baru-baru ini atau sedang mengambil ubat-ubat yang lain, termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi. Anda harus mengingati untuk membawa ubat ini

bersama jika anda perlu pergi ke hospital.

Beritahu doctor, jururawat atau ahli farmasi anda jika anda mengambil mana-mana yang berikut:

- Non-selective beta blocker seperti propranolol yang digunakan untuk tekanan darah tinggi
- Ubat-ubatan steroid
- Tablet air (diuretik)
- Derivatif xanthine

Cara menggunakan AEROCORT HFA INHALER

-Berapa banyak harus digunakan

Dewasa

Dua sedutan, tiga atau empat kali sehari, Dos maksimum adalah 2 sedutan empat kali sehari. Dos permulaan biasa adalah 2 sedutan tiga kali sehari

Kanak-kanak

Satu hingga dua sedutan, dua, tiga atau empat kali sehari, Dos maksimum adalah 2 sedutan empat kali sehari. Dos permulaan biasa adalah 2 sedutan dua kali sehari..

Warga Tua

Tidak memerlukan penyelarasan dos. Jika boleh, kepada dos terendah di mana kawalan asma yang berkesan boleh dikekalkan.

-Bila perlu digunakan

Jangan gunakan alat sedut anda lebih kerap daripada doktor memberitahu anda.

Ia adalah sangat penting bahawa anda mengikut arahan doktor anda tentang berapa banyak sedutan untuk diambil dan berapa kerap untuk menggunakanannya.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos, ambil ubat sebaik sahaja anda mengingatnya

- Walau bagaimanapun, jika sudah tiba masanya untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tidak diambil

AEROCORT HFA METERED DOSE INHALER

Salbutamol sulphate/Beclometasone dipropionate (100mcg/50mcg)

- Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos terlupa. Sekiranya anda mempunyai soalan lanjut, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan hipokalemia (paras kalium yang rendah) dan penekanan fungsi adrenal.

Semasa menggunakan AEROCORT HFA INHALER

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan AEROCORT HFA INHALER. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan berkongsi AEROCORT HFA INHALER dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin Jika kesan yang diberikan oleh AEROCORT HFA INHALER hanya bertahan kurang dari 3 jam, anda dinasihatkan supaya memaklumkan kepada doktor anda kerana ini mungkin menandakan keadaan anda semakin teruk.

Ia adalah dicadangkan agar ketinggian kanak-kanak mendapat rawatan yang berpanjangan dengan kortikosteroid dipantau selalu.

Gunakan Aerocort Inhaler secara tetap untuk faedah yang optimum. Walau bagaimanapun, anda perlu dipantau secara tetap supaya keperluan anda untuk meneruskan terapi kortikosteroid juga boleh dikaji semula.

Bilas mulut anda segera dengan air selepas menggunakan alat sedut untuk mengelakkan terjadinya jangkitan kulat di dalam mulut.

Kesan-sesan sampingan

Seperti semua ubat, AEROCORT HFA INHALER boleh menyebabkan kesan-sesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami apa-apa kesan sampingan berikut yang serius - anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera

- Reaksi alahan - tanda-tanda mungkin termasuk ruam kulit, gatal-gatal dan geligata. Dalam kes-kes yang teruk tanda-tanda termasuk bengkak lidah, bibir dan muka, kesukaran bernafas secara tiba-tiba dan penurunan tekanan darah anda yang boleh menyebabkan anda pengsan.

Jumpa doktor anda dengan segera jika anda mempunyai mana-mana daripada kesan sampingan tersebut.

Kortikosteroid disedut boleh menjelaskan penghasilan normal hormon steroid dalam badan anda, terutamanya jika anda menggunakan dos yang tinggi untuk masa yang lama. Kesan-sesan termasuk:

- Perubahan dalam kepadatan mineral tulang (penipisan tulang).
- Katarak (kekaburuan kanta dalam mata).

- Glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata)

- Kadar pertumbuhan kanak-kanak dan remaja menjadi perlahan

- Penekanan kelenjar adrenal (kelenjar kecil sebelah buah pinggang)

Kesan-sesan tersebut lebih jarang berlaku dengan kortikosteroid yang disedut berbanding dengan tablet kortikosteroid .

Kesan-sesan sampingan yang lain:

- Rasa goyah
- Sakit kepala
- Kerengsaan mulut dan tekak

• Serak

- Peningkatan kadar jantung atau rentak jantung tidak sekata (berdebar-debar)

- Anda juga boleh mendapat tahap kalium yang kurang dalam darah (dipanggil 'hipokalemia'). Jika ini berlaku, doktor anda akan kerap memeriksa paras kalium anda.

- Kekejangan otot

- Seriawan (jangkitan kulat) di dalam mulut.

- Hiperaktif pada kanak-kanak
Jika mana-mana kesan sampingan bertambah serius, atau jika anda perasan apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini , beritahu doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel. 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public --> Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI/Vaccine Safety)

Cara penyimpanan dan pelupusan AEROCORT HFA INHALER

-Penyimpanan

-Simpan di bawah 25 ° C. Jangan membekukan.

-Jauhi daripada jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.

-Jauhi daripada cahaya matahari atau haba

-Jangan gunakan alat sedut selepas tarikh tamat tempoh, yang dinyatakan pada label dan karton selepas 'EXP'. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan itu.

-Pelupusan

Ubat tidak boleh dilupuskan melalui sisa air atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Aerocort HFA Inhaler adalah ampaian sekata di dalam udara untuk sedutan, dalam gas HFA-134a, yang dibekalkan dalam bekas tekanan tinggi. Pada

AEROCORT HFA METERED DOSE INHALER

Salbutamol sulphate/Beclometasone dipropionate (100mcg/50mcg)

pemeriksaan visual sepatutnya tidak ada tanda kerosakan fizikal, atau kebocoran. Ini adalah penyediaan alat sedut tanpa gas CFC.

Bahan-bahan kandungan

-Bahan-bahan aktif: Beclometasone Dipropionate and Salbutamol sulphate
-Bahan-bahan tidak aktif: Bahan-bahan lain adalah Ethanol anhydrous, Oleic acid dan Tetrafluroethane (HFA-134a)

Nombor MAL: MAL08010691AZ

Pengilang

Cipla Ltd.,
At, 344/345
Kundaim Indl.Estate,Kundaim
Goa, 403115
India

Pemegang Pendaftaran Produk

Cipla Malaysia Sdn. Bhd.
Unit No: 1101, Amcorp Tower
No. 18, Persiaran Barat
46050 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Tarikh kemas kini RIMUP

07/08/2017

Nombor Siri

NPRA(R4/1)070817/00193